

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kompaun yang dikeluarkan untuk kesalahan merokok di premis makanan untuk tahun 2019 dan 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penguatkuasaan larangan merokok di premis makanan telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagaimana perwartaan di bawah Peraturan 11(1)(d) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 pindaan 2018. Perwartaan ini adalah selaras dengan komitmen Malaysia di bawah Artikel 8, WHO *Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC)* bertujuan melindungi orang awam daripada bahaya asap rokok dan produk berkaitan tembakau yang lain.

2. **Pada 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019, pihak KKM telah mengambil keputusan untuk melaksanakan Penguatkuasaan Pendidikan dengan hanya mengeluarkan notis amaran dan TIADA sebarang kompaun dikeluarkan.** Dalam tempoh tersebut (1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019) sebanyak 161,163 premis makanan telah diperiksa dan 33,216 notis amaran telah dikeluarkan melibatkan kesalahan berikut :

SOALAN NO : 44

- i. 4,499 kesalahan di bawah Peraturan 11(1)(d) iaitu kesalahan individu merokok di tempat larangan merokok; dan
 - ii. 28,717 kesalahan di bawah Peraturan 12(1) (a) iaitu tiada tanda larangan merokok dipamerkan oleh Tuan Punya Premis.
3. Manakala, bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 30 September 2020, penguatkuasaan penuh telah dijalankan di mana sebanyak 285,485 premis makanan telah diperiksa dengan sejumlah **20,972 kompaun** dikeluarkan bernilai **RM 4.97 juta**. Kompaun yang telah dikeluarkan melibatkan pecahan kesalahan seperti berikut:
- i. 16,900 kesalahan di bawah Peraturan 11(1)(d) iaitu individu merokok di tempat larangan merokok;
 - ii. 2,062 kesalahan di bawah 12(1) (a) iaitu tiada tanda larangan merokok dipamerkan oleh Tuan Punya Premis;
 - iii. 651 kesalahan di bawah 12(1) (b) Tuan Punya Premis gagal memastikan tiada orang merokok di premis berkaitan; dan
 - iv. 1,359 kesalahan di bawah 13(1) orang belum dewasa (di bawah umur 18 tahun) merokok.
4. Untuk makluman, aktiviti penguatkuasaan juga telah dihentikan buat sementara waktu semasa Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula daripada 18 Mac 2020 bagi menumpukan usaha kepada pematuhan SOP COVID-19. Namun begitu, bermula 1 Jun 2020 sehingga 30 September 2020, KKM telah menguatkuasakan semula larangan merokok di premis makanan di mana sepanjang tempoh ini (1 Jun 2020 sehingga 30 September 2020) sebanyak 171,430 premis dilawati dengan 13,994 jumlah kompaun dikeluarkan bernilai RM 3.33 juta. Kompaun yang dikeluarkan melibatkan pecahan kesalahan seperti berikut:
- i. 11,607 kesalahan di bawah Peraturan 11(1)(d) iaitu individu merokok di tempat larangan merokok;

SOALAN NO : 44

- ii. 1,133 kesalahan di bawah 12(1) (a) iaitu tiada tanda larangan merokok dipamerkan oleh Tuan Punya Premis;
 - iii. 417 kesalahan di bawah 12(1) (b) Tuan Punya Premis gagal memastikan tiada orang merokok di premis berkaitan; dan
 - iv. 837 kesalahan di bawah 13(1) orang belum dewasa (di bawah umur 18 tahun) yang merokok.
5. Pihak KKM akan terus komited untuk melaksanakan penguatkuasaan larangan merokok di premis makanan walaupun di dalam situasi pandemik COVID 19 yang sedang melanda.

Sekian, terima kasih.